

Amanah, cekap laksana ‘Belanjawan Rakyat’, bukan sekadar nama dalam naskhah

Semalam, Belanjawan 2026 dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bukan sekadar dokumen fiskal bernilai RM470 bilion, sebaliknya penzahiran gagasan Ekonomi MADANI dalam bentuk paling nyata dengan mengembalikan hasil kepada rakyat setelah berani mengusung reformasi. Inilah Belanjawan Keempat MADANI menggabungkan antara lain belanja mengurus RM338.2 bilion dan pembangunan RM81 bilion dengan unjuran pertumbuhan ekonomi antara 4 hingga 4.5 peratus.

Bagaimanapun, kita tertarik dengan dua inti sari yang memberikan keunikan pada Belanjawan 2026, iaitu penjimatan hasil penyasaran subsidi RM15.5 bilion setahun dan pembaikan tatakelola serta mengutip jumlah sama dalam tempoh 2024 dan 2025 hasil rampasan dan penalti pihak berkuasa. Ia mencerminkan keberanian kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi yang akhirnya menguntungkan rakyat terbanyak sama ada dari segi kewangan isi rumah mahupun pembangunan negara. Pada masa sama, komitmen membanteras kebocoran, mengekang penyeludupan dan melumpuhkan kartel pula membuktikan reformasi boleh mendatangkan hasil termasuk dari segi ekonomi.

Dalam hal ini, kita mengingatkan integriti perlu menjadi roh utama Belanjawan Rakyat ini. Sebanyak RM15.5 bilion wang negara dan rakyat ‘dipulangkan’ itu, hakikatnya hanya sebahagian kecil daripada ketirisan, salah guna kuasa dan rasuah yang berlaku bertahun-tahun. Bayangkan potensi sebenar negara jika setiap kebocoran dapat ditutup, ketirisan dicegah dan peluang rasuah terkatup rapat. Ini menunjukkan tatakelola sebenarnya prasyarat utama kejayaan belanjawan ini.

Namun, Belanjawan Rakyat ini tidak akan ke mana tanpa penjawat awam tangkas, bijaksana, berintegriti dan berjiwa rakyat. Segala perancangan rapi dan angka akan tinggal dalam naskhah tebal dibacakan Perdana Menteri jika pelaksanaannya tidak digerakkan dengan kecekapan serta rasa kebertanggungjawaban tinggi. Kita tidak mahu mendengar lagi alasan klasik peruntukan lambat turun hingga menjejaskan projek pembangunan atau melambatkan perkhidmatan serta bantuan sampai ke tangan rakyat. Jika sistem sedia ada masih perlahan atau budaya kerja usang, maka yang perlu diperbaiki bukan sekadar prosedur, sebaliknya sikap dan keberanian melakukan pembaharuan.

Belanjawan ini bukan hanya menguji budaya kerja seluruh ekosistem perkhidmatan awam di kementerian dan jabatan, bahkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta agensi pelaksana yang menjadi nadi pelaburan strategik negara. Mereka perlu melihat diri sebagai pelayan amanah rakyat, bukan pengurus dana beroperasi dalam ruang masing-masing. Setiap ringgit diagihkan bukan sekadar angka, tetapi harapan sebuah keluarga, peluang seorang pelajar, keperluan semua segmen masyarakat dan masa depan rakyat.

Realitinya, Belanjawan 2026 membuka lembaran baharu dalam reformasi dan pembangunan holistik negara. Ahli Parlimen selepas ini perlu melaksanakan tanggungjawab semak dan imbang ketika membahasnya, sebelum diterjemah dengan tindakan, termasuk setiap peruntukan sampai kepada sasaran dan setiap janji menjadi kenyataan. Setiap entiti selepas itu dari sektor awam hingga swasta mesti menyahut cabaran ini dengan semangat baharu bekerja bukan sekadar mengurus, tetapi menegakkan amanah rakyat. Hanya dengan cara itu, Belanjawan Rakyat akan benar-benar menjadi milik rakyat, bukan sekadar nama di atas kertas.